

Headline	Fu Wa dan Feng Yi simbol keakraban		
MediaTitle	Kosmo Ahad		
Date	25 May 2014	Color	Full Color
Section	Semasa	Circulation	227,666
Page No	50	Readership	682,998
Language	Malay	ArticleSize	689 cm²
Journalist	N/A	AdValue	RM 8,833
Frequency	Daily	PR Value	RM 26,500



Fu Wa, Feng Yi simbol keakraban

Pasangan beruang panda gergasi China gemar makan batang buluh tempatan.

TANGGAL 21 Mei 2014 mera- muliharaan Panda Gergasi Wolong kam satu peristiwa bersejarah di wilayah Sichuan itu kemudian- buat negara apabila menerima pasangan beruang pan- da gergasi dari Dujiangyan, Chengdu, China iaitu Fu Wa dan Feng Yi.

Kedua-dua ekor panda itu selamat tiba di Kompleks MASkargo, Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) pada pukul 7.53 pagi dengan menaiki pesawat MASkargo jenis Airbus 330-200F MH6462.

Haiwan unik itu dipinjamkan kepada Malaysia selama 10 tahun menerusi Perjanjian Kerjasama Konservasi Antarabangsa Panda Gergasi yang ditandatangani pada Jun 2012.

Melalui perjanjian berke- naan, Malaysia menjadi antara 22 negara yang diberi penghormatan untuk menerima panda dari negara tem- bok besar itu sebagai simbol keakraban selain memper- ingati ulang tahun ke-40 hu- bungan diplomatik antara dua negara itu.

Pakar sejarah, Prof. Eme- ritus Tan Sri Dr. Khoo Kay Kim menyifatkan kehadiran pasangan panda itu sebagai simbol penting kepada jalinan erat antara Malaysia dan negara re- publik itu.

"Sejak dahulu lagi China sangat bergantung kepada Malaysia dari segi bekalan bahan mentah untuk industri-industri di sana. Kehadi- ran pasangan panda itu menggambarkan hubungan semakin erat antara Malaysia dan China," kata- nya.

Pasangan panda yang dilahirkan pada 23 Ogos 2006 di Pusat Pe-

mula- raaan Panda Gergasi Wolong di wilayah Sichuan itu kemudian- buat negara apabila menerima pasangan beruang pan- da gergasi dari Dujiangyan, Chengdu, China iaitu Fu Wa dan Feng Yi.

Eksibit khas bernilai RM25 juta yang berke- luasan 4,000 meter persegi itu dibangunkan oleh kerajaan persekutuan dengan kerjasama IMalaysia Development Berhad dan dilengkapi dengan pelbagai kemudahan bagi memastikan haiwan tersebut selesa.

Buluh

"Kompleks tertutup yang berkonsepkan mesra alam ini mempunyai fasiliti merangkumi tiga ruang pameran utama yang dilengkapi sistem berhawa dingin dengan suhu di bawah 24 darjah Celsius untuk menyamai habitat asal beruang pan- da tersebut.

"Binaan kompleks itu turut mempunyai kawa- san senaman, kurungan malam, ruang penyediaan makanan, makmal, kli- nik veterinar, bilik inku-

bator, nurseri dan bilik pemanta- uan keselamatan," jelas Presiden Zoo Negara, Datuk Seri Zaharin Md. Arif.

Selain itu, buluh yang menjadi makanan utama beruang panda tersebut turut ditamam di kompleks haiwan berkenaan.

Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), Kepong, Kuala Lumpur yang bertanggungjawab menanam tumbuhan itu juga telah menjalankan penyelidikan bagi mendalamai jenis buluh yang dimakan oleh haiwan tersebut.

Terdapat kira-kira 15 jenis buluh yang dimakan spesies haiwan ter- babit antaranya buluh pagar, buluh betung, buluh siam, buluh botol, buluh semantan, buluh madu dan buluh galah.

Pegawai Penyelidik Cawangan Pengurusan Hutan Ladang, Bahagian Bioteknologi FRIM, Abd. Ra- zak Othman berkata, pihaknya mendapati haiwan tersebut lebih gemar makan batang buluh jenis galah dan pagar berbanding se- mantan.

Menurutnya, ini kerana, kulit bu- luh galah dan pagar mudah dikopek haiwan tersebut selain gemar me- makn daun dan ranting buluh ma- du.

"Haiwan tersebut gemar makan buluh yang muda berusia antara 18 bulan hingga dua tahun.

"Selain buluh, kami mendapati haiwan tersebut gemar kek buluh yang diadun dengan fiber tumbuhan itu. Ia sebagai penambah nut- rient dalam makanan untuk haiwan tersebut kerana turut mengandungi vitamin lain," ujarnya sambil memberitahu, ia juga turut makan epal dan lobak.

Sementara itu, Zaharin menambah, kehadiran pasangan panda ke Zoo Negara menjadi satu tarikan buat Malaysia dengan sasaran melebihi sejuta pengunjung setahun.

"Pihak kami telah melatih pe- gawai-pegawai tempatan dalam usaha meningkatkan lagi kepaka- ran di samping mengambil peluang membangunkan penyelidikan da- lam bidang konservasi haiwan ini," katanya.

Selain Malaysia, sebanyak 47 ekor panda berada di 18 buah zoo di 13 buah negara iaitu di Amerika Syarikat, Kanada, Mexico, Scot- land, Austria, Perancis, Sepanyol, Jepun, Thailand, Taiwan, Australia, Singapura dan Belgium.

EKSTRA Panda gergasi

- Mampu makan 12.5 kilogram rebung buluh dalam tempoh 12 jam setiap hari.
- Hidup di kawasan yang bersuhu 25 darjah Celsius ke bawah.
- Purata jangka hayat di hutan adalah selama 25 tahun.
- Saiz boleh mencapai sehingga 1.5 meter.
- Berat boleh mencapai sehingga 136 kilogram.

Headline	Fu Wa dan Feng Yi simbol keakraban		
MediaTitle	Kosmo Ahad		
Date	25 May 2014	Color	Full Color
Section	Semasa	Circulation	227,666
Page No	50	Readership	682,998
Language	Malay	ArticleSize	689 cm²
Journalist	N/A	AdValue	RM 8,833
Frequency	Daily	PR Value	RM 26,500



KAY KIM



ZAHARIN




ABD. RAZAK

Fu Wa (jantan)

- Nama Fu Wa bermaksud jantan bertuah
- Berusia 8 tahun
- Berat 116kg

Feng Yi (betina)

- Nama Fen Yi bermaksud betina sebenar
- Berusia 8 tahun
- Berat 102 kg



KOMPLEKS Panda di Zoo Negara dilengkapi dengan pelbagai kemudahan untuk menyamai habitat asal beruang panda tersebut.



BULUH pagar digemari pasangan panda itu kerana mudah dikopek.

FU WA dan Feng Yi ketika bermain di pusat pemuliharaan panda di Dujiangyan, Chengdu, China.

Headline	Fu Wa dan Feng Yi simbol keakraban		
MediaTitle	Kosmo Ahad		
Date	25 May 2014	Color	Full Color
Section	Semasa	Circulation	227,666
Page No	50	Readership	682,998
Language	Malay	ArticleSize	689 cm²
Journalist	N/A	AdValue	RM 8,833
Frequency	Daily	PR Value	RM 26,500



KOSMO Ahad 25 Mei 2014